

# Personaliti Pilihan ROSIWARDI RUSLI

"Peristiwa yang paling tidak dapat saya lupakan sepanjang berkhidmat di UniMAP ialah apabila berlakunya peristiwa kebakaran di Pejabat Pusat Kejuruteraan Kuala Perlis. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 2004 iaitu kira-kira lima tahun yang lalu. Pada ketika itu saya dan seorang lagi rakan setugas iaitu Encik Azremi Abdullah Al-Hadi telah ke pejabat untuk menyelesaikan sedikit tugas. Tiba-tiba asap tebal muncul daripada tingkat atas bangunan. Kami mula merasa panik namun terpaksa bertindak dengan pantas cuba untuk memadam kebakaran dan mendapatkan bantuan. Walaupun kami bertungkus lumus cuba memadam kebakaran, namun api terus marak dengan pantas dan memusnahkan sebahagian tingkat atas bangunan tersebut. Syukurlah bantuan bomba sampai dengan segera dan kebakaran dapat dipadamkan. Namun begitu peristiwa ini paling tidak dapat saya lupakan dalam hidup saya"

Begitulah cerita yang disampaikan oleh personaliti pilihan yang ingin diketengahkan pada kali ini iaitu saudara Rosiswardi Rusli atau lebih dikenali sebagai Rosis. Saudara Rosis bertugas sebagai Juruteknik di Pusat Kejuruteraan UniMAP, Kuala Perlis. Beliau merupakan anak jati kelahiran negeri Perlis yang dilahirkan pada 26 September 1980 di Kampung, Felda Chuping. Saudara Rosis adalah merupakan anak kedua daripada empat adik beradik kepada pasangan peneroka Felda ladang tebu iaitu Encik Rusli Ismail dan Puan Rokiah Omar. Saudara Rosis telah berumah tangga dan telah dikurniakan sepasang cahaya mata. Perkenalan dan bermula cinta pandang pertama beliau bersama rakan sekerja iaitu saudari Siti Khalijah Hassan@Yusuf telah



berakhir dengan ikatan perkahwinan. Kehidupan pasangan ini bertambah bahagia dengan kehadiran puteri sulung beliau iaitu Norafrina dan seorang putera Ameer Harith yang baru sahaja dilahirkan ketika artikel ini ditulis. Beliau mempunyai sifat peribadi yang berpekerti tinggi dan mesra hingga menyebabkan beliau disenangi di kalangan rakan-rakan setugas yang lain.

Saudara Rosis telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan L.K.T.P Chuping Perlis bermula tahun 1987 hingga 1992. Manakala pendidikan menengah rendah pula di Sekolah Menengah Al Madrasah Al Alawiyah Ad Diniyah (Yayasan Islam Perlis) Arau dan Sekolah Menengah Dato' Jaafar Hassan Chuping Perlis. Oleh kerana minat beliau yang mendalam dalam bidang teknikal dan vokasional, beliau telah berjaya melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Teknik Arau sehingga tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1998. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) Bandar Darulaman Jitra Kedah dalam jurusan Sijil Jentera Am selama dua tahun.

Beliau memulakan kerjaya di UniMAP atau sebelumnya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)

pada 2 Disember 2002 sebagai Juruteknik Mekanikal. Saudara Rosis juga merupakan antara staf yang terawal di UniMAP pada ketika itu. Maka tidak hairanlah sekiranya beliau antara staf terawal yang turut bersama-sama penat jerih membangunkan UniMAP pada ketika itu bersama-sama Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor atau Rektor pada ketika itu. "Saya berasa bangga kerana dapat bersama-sama membangunkan kampus awal UniMAP sejak daripada awal penubuhan khususnya pembangunan bengkel dan makmal hinggalah ke hari ini".

Sebelum melaporkan diri di UniMAP beliau pernah berpeluang mempunyai pengalaman bekerja di Water Dragon Fishing Net Industry Sdn. Bhd. Di Kawasan Perindustrian Padang Besar sebagai juruteknik. Sebagai seorang anak peneroka yang gigih pula, kadang kala beliau turut serta membantu bapanya di ladang tebu Chuping untuk menambahkan pendapatan keluarga.

Saudara Rosis adalah seorang staf yang sentiasa komited terhadap apa jua tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya sejak awal berkhidmat bersama-sama UniMAP. Beliau bukan sahaja komited dalam tugas hakiki malah dalam bidang lain terutama sukan dan penganjuran program universiti. Beliau begitu aktif dalam bidang sukan Badminton di mana beliau telah memenangi banyak acara anjuran peringkat universiti dan kebangsaan dalam acara beregu. Beliau telah mewakili UniMAP dalam acara badminton di Kejohanan Sukan Staf IPTA bermula tahun 2002 hingga 2008. Selain bidang sukan, beliau juga mempunyai rasa minat yang amat mendalam dalam pertandingan berprestij tinggi iaitu Pertandingan Mencipta Robot (ROBOCON) peringkat kebangsaan yang diadakan secara tahunan sejak tahun 2002 hinggalah ke hari ini. Beliau menyumbangkan tenaga dan kemahiran kejuruteraan mekanikal yang ada untuk membantu pasukan UniMAP dalam pertandingan tersebut hingga pasukan UniMAP pernah menggondol Anugerah Rekacipta Idea Terbaik dalam pertandingan tersebut. "Pertama kali apabila UniMAP menyertai pertandingan Robocon buat pertama kalinya pada tahun 2003, kami telah bertungkus lumus siang dan malam menyiapkan robot sebelum ke pertandingan tersebut. Betapa sukarnya kami pada ketika itu kerana hanya berbekalkan peralatan dan kemudahan yang terhad. Namun berkat usaha gigih dan semangat kerjasama berpasukan yang tinggi kami telah berjaya memenangi beberapa perlawanan dan cukup membanggakan apabila robot-robot kami gah beraksi". Selain daripada itu, saudara Rosis juga bergiat aktif dalam penganjuran program-program universiti di mana beliau sering dilantik sebagai Jawatankuasa Teknikal Siaraya. Beliau bukanlah seorang yang pakar dalam bidang audio pada mulanya namun kemahuan untuk belajar dan semangat ingin tahu yang tinggi maka akhirnya beliau mampu untuk mengendalikan peralatan teknikal audio pada hari ini. Beliau pernah juga dijemput sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Teknikal Siaraya yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Perlis di Jakarta Indonesia pada tahun 2007.

Tidak hairanlah atas perkhidmatan beliau yang sentiasa fokus dan cemerlang serta sumbangan yang tidak terhingga kepada universiti beliau pernah dianugerahkan Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang 2003 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005. Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah merupakan idola beliau. Beliau sentiasa bermatlamat untuk melakukan yang terbaik dan ingin berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Beliau mempunyai harapan yang begitu tinggi untuk terus mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran beliau dalam bidang kejuruteraan mekanikal demi untuk terus memartabatkan nama UniMAP gah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.